

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH B. NIK ABDUL
AZIZ (BACHOK)**

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai Bandar Selamat di bawah PDRM pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Program Bandar Selamat telah dilancarkan pada 10 Ogos 2004 susulan dari keputusan Jemaah Menteri bertarikh 28 Januari 2004 untuk meningkatkan keselamatan awam dan mencegah jenayah jalanan. Pada tahun 2010, program ini telah menjadi salah satu inisiatif menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri dan diurusetikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Penglibatan pihak polis dalam Program Bandar Selamat adalah melalui pelaksanaan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang mana sewaktu projek ini bermula, ianya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sistem ini telah dihubungkan dengan *Police Reporting System* (PRS) milik PDRM yang membolehkan kawasan-kawasan yang dilaporkan sebagai *hot spot* jenayah ditandakan dan seterusnya pemetaan kawasan jenayah dapat diwujudkan.

Ketika ini, kesemua 151 buah PBT di seluruh Malaysia telah dilengkapi dengan sistem SPBS yang merujuk kepada Program Bandar Selamat. Sistem ini telah dihubungkan kepada semua balai polis di seluruh negara yang berjumlah 799 buah.